

MEI 2024 / BIL. 11 / 2024

EON

Epitome of Nature

KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN



MAJALAH PP BIOLOGI
UITMCNS

ISSN 2773-5869



PILIH BAHAGIA

Mohd Nor Md Tan, Mohd Rizal Dohad, Suzi Seroja Sarnin
Pengajian Kejuruteraan Elektrik, Kolej Pengajian Kejuruteraan,
Universiti Teknologi MARA, 40450, Shah Alam, Selangor

mohdn829@uitm.edu.my

EDITOR: DR. AMIRUL ADLI ABD AZIZ

APRIL 1987, Melaka

Malam ini aku tidak tidur dengan lena memikirkan keputusan peperiksaan SPM yang akan diumumkan esok. Aku berdoa agar keputusan SPM nanti melayakkan aku menyambung pengajian dalam bidang perubatan, Inilah cita-cita yang aku pendam untuk menjadi seorang doktor pakar bedah sejak dari kecil lagi. Entah jam berapa aku terlena, tiba-tiba terdengar suara emak memanggil namaku untuk solat subuh. "Oh, dah pagi rupanya..." bisik hatiku. Debaran jantungku pula semakin kencang berbanding malam tadi. Aku gagahkan diriku untuk mandi dan bersiap untuk ke sekolah mengambil keputusan SPM. Makanan yang disediakan oleh emak pun tidak kujamah kerana kerisauan yang melampau memikirkan bagaimana keputusanku nanti.

Setibanya di sekolah, aku dan kawan-kawanku berkumpul di dalam dewan, seorang demi seorang nama dipanggil untuk mengambil slip keputusan SPM. "Bila pulak namaku akan dipanggil ni?" detik hatiku. Selepas beberapa ketika, akhirnya namaku dipanggil untuk naik ke pentas.

Aku dapat ucapan tahniah daripada pengetua, tetapi aku tak hiraukan kerana sangat teruja untuk melihat apakah yang tercatat pada slip tersebut. Waktu itu aku merasa amat kecewa apabila melihat satu subjek untuk melayakkan aku menyambung pengajian perubatan tidak mencapai tahap minimum. "MasyaAllah..." luluh hatiku ketika itu. Aku merasakan cita-citaku telah musnah. Tanpa disedari air mataku menitis membasahi pipi. Rupa-rupanya momen ini disedari oleh seorang cikgu yang berada tidak jauh dariku. Beliau menarikku keluar dewan dan mendengar keluhanku. Aku masih ingat kata-katanya "Ini bukan pengakhiran, tetapi baru permulaan. Peluang awak masih terbuka luas untuk berjaya dalam apa jua bidang selain daripada bidang perubatan". Aku akhirnya merasa tenang dan mengakui kebenaran kata-kata cikgu itu.

Julai 1987, Shah Alam

Seusai subuh, aku bersama keluarga bertolak menuju ke sebuah universiti di Lembah Kelang untuk menyambung pengajianku. Perjalanan ini sangat lama dan membosankan.

"Tapi aku pasrah menerima ketentuan yang tertulis ini".

Tapi aku pasrah menerima ketentuan yang tertulis ini. Selepas selesai sesi pendaftaran, aku ditempatkan di kolej kediaman universiti. Di situlah aku bertemu dengan rakan sebilik yang bernama Rahim. Kelihatannya Rahim sangat gembira dan ceria. Dia tidak berhenti bercerita denganku. Ada sahaja topik yang dia mahu bualkan. Aku layankan sahaja walaupun topik itu tidak menarik minatku. "Kenapa dia begitu gembira ya tetapi aku terus bersedih sedangkan aku pun dapat menyambung pengajian di sini seperti dia. Seharusnya aku pun merasa gembira seperti dia" Aku bermonolog sendirian.



Gambar 1: Motivasi dari rakan sebilik (Sumber: Koleksi peribadi penulis)



Gambar 2: Hari konvokesyen universiti (Sumber: Koleksi peribadi penulis)

Hari pertama perkuliahanku, kaki ini terasa amat berat untuk melangkah tetapi aku gagahkan juga. Selepas beberapa minit menunggu, seorang pensyarah lelaki masuk kelas dengan senyuman dan mengalu-alukan kehadiran kami sebagai pelajar baharu. Beliau mengajar dengan penuh semangat kepada kami, tetapi masih tidak mampu menarik perhatianku. Tanpa ku sedari, fikiranku melayang mengingatkan kembali bagaimana aku boleh berada di sini walaupun ini bukan impianku. Ianya bermula dengan cadangan abangku untuk mengambil jurusan kejuruteraan sewaktu beliau melihat keputusan SPMku. “Bolehkah aku meneruskan bidang ini selama 3 tahun yang bukan minatku dan melupakan terus bidang perubatan yang menjadi impian hidupku?” bisikku sendirian. Kata-kata nasihat Rahim setiap hari meresap ke dalam jiwaku membuatkan aku mampu meneruskan pengajianku sehingga memasuki tahun kedua pengajian. Perlahan-lahan aku buang jauh impianku untuk menjadi seorang doktor pakar perubatan dan menerima bidang kejuruteraan ini dengan hati terbuka. Aku telah mula aktif melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti universiti.

Hari ini aku bersama ahli kumpulanku sangat teruja menunggu keputusan pertandingan reka cipta peringkat kebangsaan yang dianjurkan oleh universiti. Aku rasa sangat bertuah dilantik sebagai ketua kumpulan untuk mengemudi pasukan kami. Akhirnya keputusan diumumkan, kumpulan kami mendapat anugerah inovasi terbaik dalam kategori pencipta muda. “Terima kasih Ya Allah, walaupun aku sentiasa berkeluh kesah selama ini tapi Kau beri ku jua kegembiraan yang tidak terjangkau.” Aku berbisik dalam hati memanjatkan kesyukuran atas nikmat yang diberikan.

Mac 1995, United Kingdom

8:00 pagi, 5 darjah Celsius, aku berbaju tebal untuk memanaskan rasa sejuk yang menusuk hingga ke tulang sumsum. Tidak pernah terbayang di kotak fikiran ku untuk berada di bumi asing yang jauh beribu batu dari kampung halamanku. Tiba-tiba pandanganku beralih kepada sesusuk tubuh yang melintas di hadapan ku. Dengan tidak semena-mena aku teringat Rahim, kawan sebilik ku dulu. “Di manakah Rahim sekarang?”. Soal ku sendirian. Hampir 5 tahun kami tidak bertemu seusai tamat

pengajian diploma. Kekuatan yang aku miliki hari ini bertitik tolak daripada dia. Dialah yang banyak mengajar aku erti redha, syukur dan sifat tidak berputus asa dalam menerima apa sahaja qada dan qadar dari Allah. Atas sokongan dan dorongan yang tiada henti dari Rahim, lahirlah kekuatan untuk aku terus bergerak sendiri. Aku jatuh dan kembali bangun semula dan terus melangkah tanpa menoleh ke belakang lagi.

Julai 1997, Leeds University, UK

Setelah 2 tahun mengharungi segala dugaan, hari ni aku menyarung jubah konvokesyen meraikan kejayaan menamatkan pengajian ijazah sarjana muda. Lebih manis ibu dan abangku hadir sama pada hari bersejarah ini. Kupandang wajah abangku. Kulihat dia sangat gembira berbeza dari hari biasa. Aku yakin kegembiraan itu adalah disebabkan hasil daripada cadangan dia untuk aku memilih bidang ini. Semoga Allah membalas segala kebaikan abang.

September 1997, Kuala Lumpur

Aku berjaya memegang jawatan sebagai Jurutera Projek di salah sebuah syarikat perundingan. Tugas harian ku sangat mencabar, sentiasa mengejar masa dan tarikh yang telah ditetapkan. Mesyuarat yang panjang dan membuat laporan projek adalah antara tugas harianku dan sesungguhnya ia tidak menarik hatiku. Leteran dan kadangkala herdikan dari bos ku sudah menjadi makanan harianku.



Gambar 3: Tugas hakiki pensyarah (Sumber: Koleksi peribadi penulis)

Terdetik dihatiku “sampai bila harus aku mengadap rutin yang menjengkelkan hati aku ni?”. Aku nekad kembali ke kampung halaman mencari ketenangan untuk sementara waktu. Aku mengajar sambil di salah sebuah pusat tuisyen untuk memenuhi masa lapang dan menambah duit saku. Masaku banyak dihabiskan di situ. Semakin hari aku rasa aku semakin seronok dan bersemangat untuk mendidik pelajar-pelajar di situ. Sesuatu yang baru namun aku telah jatuh cinta, jatuh cinta dengan tugas yang dapat membantu pelajar-pelajar menuntut ilmu bagi menghadapi peperiksaan yang semakin dekat. Sesekali aku terfikir, inikah jalan hidup aku yang sepatutnya aku pilih. Setelah memikirkan semasak-masaknya, sekali lagi aku nekad untuk menyambung pelajaranku di peringkat sarjana dalam bidang yang sama dengan bidang di peringkat sarjana muda. Walaupun bidang ini masih bukan pilihanku namun aku tetap meneruskan juga bagi mencapai hasrat untuk menjadi seorang pendidik suatu hari nanti.

September 2023, Institut Pengajian Tinggi Tempatan

Jam menunjukkan pukul 9:30 pagi. Aku belek satu persatu kertas jawapan ujian pelajar. Tiba-tiba perutku berkeroncong. Ya Allah, rupanya aku belum menjamah sebarang makanan sejak dari pagi. Ku bergegas ke kafe untuk mencari sesuatu bagi mengisi perutku sebelum ke kelas yang akan bermula jam 10 pagi.

Pada jam 2 petang pula aku akan menghadiri perjumpaan bersama pelajar-pelajar untuk memberi taklimat projek tahun akhir, disusuli dengan perbincangan bersama koordinator kursus bagi membincangkan penyediaan soalan peperiksaan akhir. Agak padat jadualku hari ini tapi aku tidak pernah sesekali pun mengeluh. Aku gembira melakukannya. Beginilah rutin harianku sebagai pendidik di sebuah universiti. Diam tidak diam sudah memasuki suku abad aku bergelar insan yang mencurahkan ilmu kepada anak bangsa yang akan mewarisi negara. Aku sedar jiwaku memang sesuai dengan

kerjayaku ini dan aku mengakui kata-kata adikku sewaktu berada di kampung. “Apa kata abang jadi pengajar, nampak sesuai je”. Agak yakin nada suara adik ku. Bertitik tolak dari situlah aku terus mengorak langkah lalu memohon jawatan sebagai pensyarah. Setelah melepasi tiga peringkat temu duga, akhirnya aku diterima. Aku bersyukur dikelilingi oleh rakan sekerja yang sangat positif dan saling menyokong di antara satu sama lain untuk bergerak cemerlang dalam kerjaya ini. Dikelilingi oleh pelajar-pelajar yang sentiasa dahagakan ilmu pengetahuan membuatkan aku terus bersemangat. Mereka inilah yang menjadi pemangkin untuk aku terus berada di sini untuk mencurahkan bakti selagi terdaya.

Aku berterima kasih atas kehadiran beberapa orang penting seperti Cikgu Norzila yang telah memberi motivasi untuk menerima keputusan SPM dengan redha. Rahim, kawan sebilik yang sentiasa memberi kata-kata semangat untuk meneruskan pengajian di universiti seterusnya ahli keluarga yang tidak pernah putus asa untuk memberi galakan dan dorongan untuk meneruskan kehidupan. Pelbagai rintangan yang aku hadapi untuk aku gapai saat bahagia ini. Namun aku gagahi juga mengharunginya kerana aku yakin yang pahit akan menjadi manis juga akhirnya bak kata pepatah Inggeris; “Every cloud has a silver lining”. Inilah kebahagiaan sebenar yang aku pilih. Alhamdulillah.